

Kes rasuah projek tenaga solar sekolah

Pembelaan tutup kes selepas 42 hari bicara

Kuala Lumpur: Selepas 42 hari perbicaraan dengan mendengar keterangan 25 saksi, perbicaraan kes rasuah berhubung projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor, berakhir semalam.

Dalam prosiding semalam, Peguam Jagjit Singh yang mewakili Rosmah memaklumkan Mahkamah Tinggi bahawa pihak pembelaan menutup kes selepas saksi keduanya, bekas Pegawai Khas di Bahagian First Lady of Malaysia (FLOM) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Siti Azizah Sheikh Abod selesai memberikan keterangan.

Sehubungan itu, Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan menetapkan pada 5 April ini untuk mendengar hujahan kedua-dua pihak sebelum membuat keputusan akhir.

Beliau turut menetapkan pada 9 Mac bagi pendakwaan memfailkan hujahan dan 30 Mac untuk pembelaan membalas hujahan.

“Saya akan memperuntukkan sepanjang hari (pada 5 April) untuk mendengar hujahan.

“Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas bantuan sepanjang perbicaraan. Ini mengakhiri perbicaraan selama 42 hari dengan mendengar keterangan 25 saksi termasuk beberapa kali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

Terdahulu, Mohamed Zaini



Rosmah tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

menolak permohonan Rosmah untuk memanggil semula saksi penting dalam kes berkenaan, iaitu Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd (Jepak Holdings), Saidi Abang Samsudin.

Pada 15 November 2018, Rosmah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, atas dua tuduhan meminta rasuah wang tunai RM187.5 juta dan menerima RM1.5 juta berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di sekolah luar bandar di Sarawak.

Bagi pertuduhan pertama,

beliau didakwa meminta suapan untuk dirinya sendiri RM187.5 juta, yang dibuat melalui bekas pegawai khususnya Datuk Rizal Mansor, iaitu 15 peratus nilai kontrak daripada Saidi.

Wang berkenaan sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek dikenali sebagai Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan serta Operasi Genset/Diesel bagi 369 Sekolah Luar Bandar Sarawak bernilai RM1.25 bilion secara rundingan terus daripada Ke-

menterian Pendidikan.

Rosmah didakwa melakukan perbuatan itu di Lygon Bistro, G-24, Ground Floor, Sunway Putra Mall, 100, Jalan Putra, Chow Kit, dekat sini, di antara Mac dan April 2016.

Bagi pertuduhan kedua, beliau didakwa menerima rasuah berjumlah RM1.5 juta daripada bekas Pengarah Urusan Jepak Holdings, Saidi Abang Samsudin sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek itu di Nombor 11, Jalan Langgak Duta, Taman Duta, pada 7 September 2017.

Rosmah didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Pada 10 April 2019, Rosmah sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menerima suapan RM5 juta daripada Saidi menerusi Rizal kerana membantu Jepak Holdings mendapatkan projek sama di tempat yang sama di Jalan Langgak Duta.

Semua kes itu dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan yang bermula 5 Februari tahun lalu.